

Dana Berkaitan Pelaburan



Dana Syariah Zurich Takaful

Zurich Takaful Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)
Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 www.zurich.com.my



ZURICH Logo Z dan Tanda Z merupakan cap dagangan Zurich Insurance Company Ltd, didaftarkan di pelbagai bidang kuasa di seluruh dunia



ZT0012/11/P/L/B/M



DANA SYARIAH ZURICH TAKAFUL

Pelaburan merupakan asas keselamatan kewangan anda.

Untuk mencapai matlamat kewangan, anda perlu mempunyai alatan, sokongan, pengetahuan dan maklumat, untuk membolehkan anda berada di landasan yang betul untuk mendapatkan kewangan yang kukuh.

Di Zurich Takaful, terdapat pelbagai pilihan dana berkaitan pelaburan Syariah untuk anda pilih dan setiap satunya mempunyai objektif pelaburan dan peruntukan aset yang unik. Malah, dana-dana kami distruktur supaya menepati kepelbagaiannya risiko pemegang sijil kami, daripada mereka yang konservatif sehingga yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi.

Di sini, setiap orang dapat mencari apa yang diinginkan. Dengan objektif pelaburan, risiko profil dan jangka masa pelaburan yang berbeza, memilih dana yang tepat menjadi mudah.

Di Zurich Takaful, kami memastikan pelaburan tersebut bekerja keras untuk anda!

Laburlah dalam Dana Syariah Zurich Takaful hari ini!

Anda boleh melabur dalam mana-mana satu kombinasi dana berkaitan pelaburan melalui penyertaan pelan berkaitan pelaburan kami. Dana berikut disediakan untuk disesuaikan dengan objektif pelaburan, tahap toleransi risiko dan jangka masa pelaburan anda.

DANA
SYARIAH
EDGE
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
GLOBAL EDGE
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
GROWTH
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
INCOME
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
BALANCED
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
FLEXI
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
GROWTH 2
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
INCOME 2
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
BALANCED 2
ZURICH
TAKAFUL

DANA
SYARIAH
FLEXI 2
ZURICH
TAKAFUL

Dana Syariah Edge Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk mencapai peningkatan nilai modal yang konsisten dalam jangka panjang dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti patuh Syariah dengan prospek pertumbuhan yang baik.								
Profil Risiko	Tinggi								
Profil Pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur yang mencapai peningkatan nilai modal yang tinggi daripada sekuriti patuh Syariah, mempunyai toleransi risiko yang sederhana hingga tinggi dan dapat menahan turun naik jangka pendek yang ketara serta mempunyai ufuk pelaburan jangka sederhana hingga jangka panjang.								
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Dana ini adalah dana perantara yang melabur dalam Kenanga Shariah Growth Opportunities Fund. Dana tersebut adalah dana pertumbuhan ekuiti Islam yang diuruskan secara aktif berdasarkan disiplin kuantitatif dan kualitatif. Strateginya adalah untuk melabur dalam sekuriti patuh Syariah yang cenderung menghasilkan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi daripada purata pasaran.								
Maklumat Mengenai Dana Perantara	Nama Dana: Kenanga Shariah Growth Opportunities Fund (KSGOF) Jenis: Ekuiti (patuh Syariah) Pertumbuhan Pengurus Dana: Kenanga Investor Berhad								
Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kenanga Shariah Growth Opportunities Fund</td><td>90 - 100</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah</td><td>0 - 10</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr> </tbody> </table>	Kelas Aset	Peruntukan (%)	Kenanga Shariah Growth Opportunities Fund	90 - 100	Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 10	Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan
Kelas Aset	Peruntukan (%)								
Kenanga Shariah Growth Opportunities Fund	90 - 100								
Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 10								
Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan								
Prestasi Penanda Aras	Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia Maklumat lanjut boleh didapati daripada Bloomberg.								
Pengurus Dana	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad								

Yuran Pengurusan Dana

1.5% setahun

Prestasi Dana

Tahun	Dana Syariah Edge Zurich Takaful	Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia
2014	7.4%	2.4%
2015	1.3%	-4.1%
2016	-0.6%	-4.8%
2017	9.8%	8.6%
2018	-12.9%	-10.0%
2019	17.5%	0.4%
2020	52.1%	13.4%
2021	1.2%	-6.8%
2022	-18.0%	-10.8%
2023	1.0%	0.5%

Nota: Tahun kewangan berakhir 30 November.

- Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan.
- Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan.
- Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut:

Pulangan sebenar pada 20xx =

$$\left[\frac{^3\text{UP 31 November}20xx - ^3\text{UP 31 November}20xx - 1}{^3\text{UP 31 November}20xx - 1} \right]$$

NOTA 1: Prospek pertumbuhan yang baik merujuk kepada syarikat dengan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi daripada purata pasaran.

NOTA 2: Peruntukan Aset daripada Dana Sarasan mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.

NOTA 3: UP = Harga Unit

Dana Syariah Global Edge Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bermatlamat untuk memberi peningkatan modal dalam jangka masa panjang dengan melabur dalam dana dagangan bursa (ETF) yang menjelaki hasil pelaburan daripada MSCI World Islamic Index (NIWO).															
Profil Risiko	Tinggi															
Profil Pelaburan	Disasarkan kepada pelabur berisiko tinggi yang ingin melabur dalam syarikat-syarikat negara maju yang mematuhi prinsip pelaburan Syariah melalui ETF															
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Dana ini adalah dana ‘perantara’ yang akan melabur asetnya dalam iShares MSCI World Islamic UCITS ETF (Dana Sasaran) untuk pendedahan kepada pelbagai syarikat di negara maju yang mematuhi prinsip pelaburan Syariah. Dana Sasaran ini diurus oleh BlackRock Asset Management Ireland.															
Maklumat Mengenai Dana Perantara	Nama Dana: iShares MSCI World Islamic UCITS ETF Jenis: Ekuiti (patuh Syariah) Pertumbuhan Pengurus Dana: BlackRock Asset Management Ireland															
¹ Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>iShares MSCI World Islamic UCITS ETF</td><td>90 - 100</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah</td><td>0 - 10</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr> </tbody> </table>	Kelas Aset	Peruntukan (%)	iShares MSCI World Islamic UCITS ETF	90 - 100	Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 10	Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan							
Kelas Aset	Peruntukan (%)															
iShares MSCI World Islamic UCITS ETF	90 - 100															
Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 10															
Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan															
Prestasi Penanda Aras	MSCI World Islamic Index (NIWO) Maklumat lanjut boleh didapati daripada Bloomberg atau https://www.ishares.com/															
Pengurus Dana	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad															
Yuran Pengurusan Dana	1.5% setahun															
Prestasi Dana	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th><th>Dana Syariah Global Edge Zurich Takaful</th><th>Penanda Aras²</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2020*</td><td>4.6%</td><td>6.5%</td></tr> <tr> <td>2021</td><td>20.3%</td><td>26.2%</td></tr> <tr> <td>2022</td><td>-7.0%</td><td>-6.5%</td></tr> <tr> <td>2023</td><td>24.1%</td><td>28.0%</td></tr> </tbody> </table>	Tahun	Dana Syariah Global Edge Zurich Takaful	Penanda Aras ²	2020*	4.6%	6.5%	2021	20.3%	26.2%	2022	-7.0%	-6.5%	2023	24.1%	28.0%
Tahun	Dana Syariah Global Edge Zurich Takaful	Penanda Aras ²														
2020*	4.6%	6.5%														
2021	20.3%	26.2%														
2022	-7.0%	-6.5%														
2023	24.1%	28.0%														

* Untuk tempoh dari Julai hingga Disember 2020

- Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan.
- Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan.
- Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut:

Pulangan sebenar pada 20xx =

$$\left[\frac{^2\text{UP 31 December } 20xx - ^2\text{UP 31 December } 20xx - 1}{^2\text{UP 31 December } 20xx - 1} \right]$$

NOTA 1: Peruntukan Aset daripada Dana Sasaran mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.

NOTA 2: Penanda Aras: MSCI World Islamic Index (USD)

NOTA 3: UP = Harga Unit

Dana Syariah Growth Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang.	Yuran Pengurusan Dana	1.5% setahun										
Profil Risiko	Tinggi												
Profil Pelabur	Sesuai untuk pelabur yang mempunyai toleransi risiko tinggi yang ingin melabur dalam ekuiti patuh Syariah dan aset berkaitan ekuiti, dengan potensi pertumbuhan modal yang baik dan potensi pulangan yang tinggi.												
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Ini adalah dana perantara yang melaburkan 100% daripada asetnya ke dalam Principal DALI Equity Growth Fund (dahulunya dikenali sebagai CIMB Islamic DALI Equity Growth Fund)(Dana Sasaran) (Dana Sasaran), yang diuruskan oleh Principal Asset Management Berhad (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad).												
Maklumat Mengenai Dana Perantara	Nama Dana: Principal DALI Equity Growth Fund (dahulunya dikenali sebagai CIMB Islamic DALI Equity Growth Fund) Jenis: Ekuiti (patuh Syariah)/Pertumbuhan Pengurus Dana: Principal Asset Management Berhad (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad)	Prestasi Dana (Dana Sasaran)	<ul style="list-style-type: none"> Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan Prestasidana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut <p>Pulangan sebenar pada 20xx=</p> $\left[\frac{^3\text{UP31 December } 20xx - ^3\text{UP31 December } 20xx - 1}{^3\text{UP31 December } 20xx - 1} \right]$ <p>Di mana UP31 December 20xx = harga jualan unit dana pada 31 December 20xx</p>										
1Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan* (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ekuiti patuh Syariah</td><td>70 - 98</td></tr> <tr> <td>Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain</td><td>0 - 28</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang patuh Syariah</td><td>2 - 30</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>Tidak Berkenna</td></tr> </tbody> </table> <p>* Peruntukan aset mungkin berubah bergantung kepada Dana Sasaran²NAB (Principal DALI Equity Growth Fund - dahulunya dikenali sebagai CIMB Islamic DALI Equity Growth Fund).</p>	Kelas Aset	Peruntukan* (%)	Ekuiti patuh Syariah	70 - 98	Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	0 - 28	Deposit dan instrumen pasaran wang patuh Syariah	2 - 30	Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenna		
Kelas Aset	Peruntukan* (%)												
Ekuiti patuh Syariah	70 - 98												
Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	0 - 28												
Deposit dan instrumen pasaran wang patuh Syariah	2 - 30												
Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenna												
Prestasi Penanda Aras	Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia Maklumat lanjut boleh didapati daripada Bloomberg.												
Pengurus Dana	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad												

- NOTA 1:** Peruntukan Aset daripada Dana Sasaran mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.
- NOTA 2:** NAB = Nilai Aset Bersih
- NOTA 3:** UP = Harga Unit

Dana Syariah Balanced Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menyediakan pendapatan yang stabil dan potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang.										
Profil Risiko	Sederhana hingga tinggi										
Profil Pelabur	Sesuai untuk pelabur yang cenderung dengan pendapatan tetap dan pulangan lebih tinggi daripada deposit yang dijana oleh hasil dividen ekuiti patuh Syariah serta instrumen pendapatan tetap.										
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Ini adalah dana perantara yang melaburkan 100% daripada asetnya ke dalam Principal Islamic Lifetime Balanced Growth Fund (dahulunya dikenali sebagai CIMB Islamic Balanced Growth Fund) ¹ (Dana Sasaran), yang diuruskan oleh Principal Asset Management Berhad (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad).										
Maklumat Mengenai Dana Perantara	Nama Dana: Principal Islamic Lifetime Balanced Growth Fund (dahulunya dikenali sebagai CIMB Islamic Balanced Growth Fund) Jenis: Seimbang (Patuh Syariah)/Pertumbuhan & Pendapatan Pengurus Dana: Principal Asset Management Berhad (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Asset Management Berhad)										
1Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan* (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ekuiti patuh Syariah</td><td>40 - 60</td></tr> <tr> <td>Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain</td><td>40 - 60</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang patuh Syariah</td><td>≥2</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr> </tbody> </table> <p>* Peruntukan aset mungkin berubah bergantung kepada Dana Sasaran²NAB (Principal Islamic Lifetime Balanced Growth Fund - dahulunya dikenali sebagai CIMB Islamic Balanced Growth Fund).</p>	Kelas Aset	Peruntukan* (%)	Ekuiti patuh Syariah	40 - 60	Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	40 - 60	Deposit dan instrumen pasaran wang patuh Syariah	≥2	Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan
Kelas Aset	Peruntukan* (%)										
Ekuiti patuh Syariah	40 - 60										
Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	40 - 60										
Deposit dan instrumen pasaran wang patuh Syariah	≥2										
Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan										
Prestasi Penanda Aras	60% daripada Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia & 40% daripada Pulangan Pelaburan Tetap Akaun-i CIMB Islamik 1 bulan Maklumat lanjut boleh didapat dari Bloomberg dan https://www.principal.com.my/ masing-masing.										
Pengurus Dana	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad										

Yuran Pengurusan Dana	1.3% setahun																																	
Prestasi Dana (Dana Sasaran)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th><th>Dana Syariah Balanced Zurich Takaful</th><th>Penanda Aras³</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2014</td><td>1.0%</td><td>7.0%</td></tr> <tr> <td>2015</td><td>4.5%</td><td>2.7%</td></tr> <tr> <td>2016</td><td>-2.8%</td><td>-2.5%</td></tr> <tr> <td>2017</td><td>8.4%</td><td>7.6%</td></tr> <tr> <td>2018</td><td>-4.9%</td><td>-7.0%</td></tr> <tr> <td>2019</td><td>6.7%</td><td>3.6%</td></tr> <tr> <td>2020</td><td>1.9%</td><td>7.4%</td></tr> <tr> <td>2021</td><td>1.2%</td><td>-3.4%</td></tr> <tr> <td>2022</td><td>-2.5%</td><td>-5.6%</td></tr> <tr> <td>2023</td><td>6.0%</td><td>1.3%</td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut: <p>Pulangan sebenar pada 20xx=</p> $\left[\frac{^4\text{UP31 December } 20xx - ^4\text{UP31 December } 20xx - 1}{^4\text{UP31 December } 20xx - 1} \right]$ <p>Di mana UP31 December 20xx = harga jualan unit dana pada 31 December 20xx</p>	Tahun	Dana Syariah Balanced Zurich Takaful	Penanda Aras ³	2014	1.0%	7.0%	2015	4.5%	2.7%	2016	-2.8%	-2.5%	2017	8.4%	7.6%	2018	-4.9%	-7.0%	2019	6.7%	3.6%	2020	1.9%	7.4%	2021	1.2%	-3.4%	2022	-2.5%	-5.6%	2023	6.0%	1.3%
Tahun	Dana Syariah Balanced Zurich Takaful	Penanda Aras ³																																
2014	1.0%	7.0%																																
2015	4.5%	2.7%																																
2016	-2.8%	-2.5%																																
2017	8.4%	7.6%																																
2018	-4.9%	-7.0%																																
2019	6.7%	3.6%																																
2020	1.9%	7.4%																																
2021	1.2%	-3.4%																																
2022	-2.5%	-5.6%																																
2023	6.0%	1.3%																																

- NOTA 1:** Peruntukan Aset daripada Dana Sasaran mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.
- NOTA 2:** NAB = Nilai Aset Bersih
- NOTA 3:** Penanda aras pulangan sehingga 2014 adalah berdasarkan 7% Pulangan Sasaran Mutlak.
- NOTA 4:** UP = Harga Unit

Dana Syariah Income Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menyediakan tahap pulangan pendapatan yang stabil.										
Profil Risiko	Rendah hingga sederhana										
Profil Pelabur	Direka untuk pelabur yang memilih pengagihan pendapatan konsisten dan stabil daripada instrumen tetap patuh Syariah seperti Sukuk.										
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Kebanyakannya melabur dalam sekuriti hutang Islamik dengan minimum Sukuk bertaraf AA dan instrumen pasaran wang Islamik jangka masa pendek. Sebahagian kecil akan dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah yang menghasilkan dividen.										
¹ Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ekuiti patuh Syariah</td><td>0 - 30</td></tr> <tr> <td>Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain</td><td>40 - 95</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah</td><td>5 - 60</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>0 - 10</td></tr> </tbody> </table>	Kelas Aset	Peruntukan (%)	Ekuiti patuh Syariah	0 - 30	Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	40 - 95	Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	5 - 60	Aset patuh Syariah yang lain	0 - 10
Kelas Aset	Peruntukan (%)										
Ekuiti patuh Syariah	0 - 30										
Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	40 - 95										
Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	5 - 60										
Aset patuh Syariah yang lain	0 - 10										
Prestasi Penanda Aras	Pulangan sasaran mutlak 5% setahun										
Pengurus Dana	Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Islamic Asset Management Berhad)										

Yuran Pengurusan Dana	1% setahun																																	
Prestasi Dana	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th><th>Dana Syariah Income Zurich Takaful</th><th>Penanda Aras</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2014</td><td>2.0%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2015</td><td>3.9%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2016</td><td>3.4%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2017</td><td>8.2%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2018</td><td>-1.4%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2019</td><td>7.5%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2020</td><td>26.4%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2021</td><td>-0.7%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2022</td><td>0.9%</td><td>5.0%</td></tr> <tr> <td>2023</td><td>5.8%</td><td>5.0%</td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut <p>Pulangan sebenar pada 20xx=</p> $\left[\frac{\text{UP31 December } 20xx}{\text{UP31 December } 20xx - 1} \right]$ <p>Di mana UP31 December 20xx = harga jualan unit dana pada 31 December 20xx</p>	Tahun	Dana Syariah Income Zurich Takaful	Penanda Aras	2014	2.0%	5.0%	2015	3.9%	5.0%	2016	3.4%	5.0%	2017	8.2%	5.0%	2018	-1.4%	5.0%	2019	7.5%	5.0%	2020	26.4%	5.0%	2021	-0.7%	5.0%	2022	0.9%	5.0%	2023	5.8%	5.0%
Tahun	Dana Syariah Income Zurich Takaful	Penanda Aras																																
2014	2.0%	5.0%																																
2015	3.9%	5.0%																																
2016	3.4%	5.0%																																
2017	8.2%	5.0%																																
2018	-1.4%	5.0%																																
2019	7.5%	5.0%																																
2020	26.4%	5.0%																																
2021	-0.7%	5.0%																																
2022	0.9%	5.0%																																
2023	5.8%	5.0%																																

NOTA 1: Peruntukan Aset daripada Dana mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit

NOTA 2: UP = Harga Unit

Dana Syariah Flexi Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menjana potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang yang dapat dicapai melalui fleksibiliti dalam peruntukan aset.										
Profil Risiko	Sederhana hingga tinggi										
Profil Pelabur	Sesuai untuk pelabur yang cenderung kepada aliran pendapatan tetap, pulangan pelaburan stabil dan potensi peningkatan modal jangka masa sederhana hingga panjang. Menyediakan strategi penukaran aset yang mudah										
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Dana dilaburkan dalam pelbagai portfolio sekuriti patuh Syariah, terutamanya ekuiti Malaysia, sekuriti hutang Islamik serta pasaran wang Islamik yang berjangka masa pendek. Peruntukan aset akan ditentukan berdasarkan keadaan pasaran.										
¹ Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ekuiti patuh Syariah</td><td>10 - 90</td></tr> <tr> <td>Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain</td><td>10 - 90</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah</td><td>5 - 60</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>0 - 10</td></tr> </tbody> </table>	Kelas Aset	Peruntukan (%)	Ekuiti patuh Syariah	10 - 90	Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	10 - 90	Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	5 - 60	Aset patuh Syariah yang lain	0 - 10
Kelas Aset	Peruntukan (%)										
Ekuiti patuh Syariah	10 - 90										
Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	10 - 90										
Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	5 - 60										
Aset patuh Syariah yang lain	0 - 10										
Prestasi Penanda Aras	Pulangan sasaran mutlak 9% setahun										
Pengurus Dana	Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai CIMB-Principal Islamic Asset Management Berhad)										

Yuran Pengurusan Dana	1.3% setahun																																	
Prestasi Dana	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th><th>Dana Syariah Flexi Zurich Takaful</th><th>Penanda Aras</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2014</td><td>-0.3%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2015</td><td>7.0%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2016</td><td>-1.9%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2017</td><td>13.6%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2018</td><td>-9.3%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2019</td><td>5.2%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2020</td><td>1.0%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2021</td><td>0.3%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2022</td><td>-3.7%</td><td>9.0%</td></tr> <tr> <td>2023</td><td>7.4%</td><td>9.0%</td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut <p>Pulangan sebenar pada 20xx =</p> $\left[\frac{{}^2\text{UP 31 December 20xx} - {}^2\text{UP 31 December 20xx - 1}}{{}^2\text{UP 31 December 20xx - 1}} \right]$ <p>Di mana UP31 December 20xx = harga jualan unit dana pada 31 December 20xx</p>	Tahun	Dana Syariah Flexi Zurich Takaful	Penanda Aras	2014	-0.3%	9.0%	2015	7.0%	9.0%	2016	-1.9%	9.0%	2017	13.6%	9.0%	2018	-9.3%	9.0%	2019	5.2%	9.0%	2020	1.0%	9.0%	2021	0.3%	9.0%	2022	-3.7%	9.0%	2023	7.4%	9.0%
Tahun	Dana Syariah Flexi Zurich Takaful	Penanda Aras																																
2014	-0.3%	9.0%																																
2015	7.0%	9.0%																																
2016	-1.9%	9.0%																																
2017	13.6%	9.0%																																
2018	-9.3%	9.0%																																
2019	5.2%	9.0%																																
2020	1.0%	9.0%																																
2021	0.3%	9.0%																																
2022	-3.7%	9.0%																																
2023	7.4%	9.0%																																

NOTA 1: Peruntukan Aset daripada Dana mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.

NOTA 2: UP = Harga Unit

Dana Syariah Growth 2 Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang.										
Profil Risiko	Tinggi										
Profil Pelabur	Disasarkan kepada pelabur berisiko tinggi yang ingin melabur dalam ekuiti patuh Syariah dan aset berkaitan ekuiti dengan pertumbuhan yang baik dan pulangan yang berpotensi tinggi.										
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Dana ini akan memberi tumpuan pada pelaburan dalam portfolio pelbagai ekuiti yang diluluskan oleh Syariah dengan potensi pertumbuhan yang tinggi										
¹ Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ekuiti patuh Syariah</td><td>70 - 90</td></tr> <tr> <td>Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah</td><td>10 - 30</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr> </tbody> </table>	Kelas Aset	Peruntukan (%)	Ekuiti patuh Syariah	70 - 90	Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	Tidak Berkenaan	Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	10 - 30	Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan
Kelas Aset	Peruntukan (%)										
Ekuiti patuh Syariah	70 - 90										
Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	Tidak Berkenaan										
Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	10 - 30										
Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan										
Prestasi Penanda Aras	Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia Maklumat lanjut boleh didapati daripada Bloomberg.										
Pengurus Dana	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad										

Yuran Pengurusan Dana

1.5% setahun

Prestasi Dana

Tahun	Dana Syariah Growth 2 Zurich Takaful	Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia
2014	-5.1%	-4.2%
2015	13.4%	2.3%
2016	0.7%	-6.1%
2017	14.7%	10.7%
2018	-11.9%	-13.5%
2019	6.8%	3.9%
2020	7.3%	10.1%
2021	-1.5%	-5.8%
2022	-2.6%	-10.8%
2023	-1.0%	0.5%

- Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan
- Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan
- Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut

Pulangan sebenar pada 20xx =

$$\left[\frac{{}^2\text{UP 31 December 20xx} - {}^2\text{UP 31 December 20xx - 1}}{{}^2\text{UP 31 December 20xx - 1}} \right]$$

NOTA 1: Peruntukan Aset daripada Dana mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.

NOTA 2: UP = Harga Unit

Dana Syariah Balanced 2 Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menyediakan pendapatan yang stabil dan potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang.										
Profil Risiko	Sederhana hingga tinggi										
Profil Pelabur	Sesuai untuk pelabur yang cenderung dengan pendapatan tetap dan pulangan lebih tinggi daripada deposit yang dijana oleh hasil dividen ekuiti patuh Syariah serta instrumen pendapatan tetap.										
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Strategi adalah melalui pelaburan dalam kombinasi seimbang portfolio patuh Syariah termasuk ekuiti patuh Syariah, Sukuk dan lain-lain instrumen hutang Islamik, deposit patuh Syariah serta instrumen pasaran wang.										
¹ Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ekuiti patuh Syariah</td><td>0 - 70</td></tr> <tr> <td>Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain</td><td>0 - 60</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah</td><td>0 - 60</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr> </tbody> </table>	Kelas Aset	Peruntukan (%)	Ekuiti patuh Syariah	0 - 70	Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	0 - 60	Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 60	Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan
Kelas Aset	Peruntukan (%)										
Ekuiti patuh Syariah	0 - 70										
Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	0 - 60										
Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 60										
Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan										
Prestasi Penanda Aras	50% daripada Indeks Syariah EMAS Tahun FTSE Bursa Malaysia & 50% daripada 12-Bulan Kadar Deposit Tetap Islamik (12-Bulan Kadar Deposit Tetap Islamik-i Maybank Islamic Berhad)										
Pengurus Dana	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad										

Yuran Pengurusan Dana

1.3% setahun

Prestasi Dana

Tahun	Dana Syariah Balanced 2 Zurich Takaful	Penanda Aras
2014	-3.8%	-0.5%
2015	6.9%	2.9%
2016	2.6%	-1.4%
2017	8.8%	6.9%
2018	-6.7%	-5.1%
2019	6.7%	3.6%
2020	2.5%	6.2%
2021	-1.1%	-2.5%
2022	-1.1%	-4.3%
2023	0.3%	1.7%

Nota: Penanda aras prestasi sebelum 25 Mac 2022 ialah 7.5%.

- Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan
- Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan
- Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut

Pulangan sebenar pada²0xx =

$$\left[\frac{\text{UP 31 December 20xx} - \text{UP 31 December 20xx - 1}}{\text{UP 31 December 20xx - 1}} \right]$$

NOTA 1: Peruntukan Aset daripada Dana mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.

NOTA 2: UP = Harga Unit

Dana Syariah Income 2 Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menyediakan tahap pulangan pendapatan yang stabil.										
Profil Risiko	Rendah hingga sederhana										
Profil Pelabur	Direka untuk pelabur yang memilih pengagihan pendapatan konsisten dan stabil daripada instrumen tetap patuh Syariah seperti Sukuk.										
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Dana ini akan melabur dalam pelbagai portfolio Sukuk yang diluluskan oleh Syariah dan instrumen pasaran wang Islamik jangka masa pendek, dengan sebahagian kecil dalam ekuiti patuh Syariah.										
¹ Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ekuiti patuh Syariah</td><td>0 - 10</td></tr> <tr> <td>Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain</td><td>0 - 100</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah</td><td>0 - 100</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr> </tbody> </table>	Kelas Aset	Peruntukan (%)	Ekuiti patuh Syariah	0 - 10	Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	0 - 100	Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 100	Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan
Kelas Aset	Peruntukan (%)										
Ekuiti patuh Syariah	0 - 10										
Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	0 - 100										
Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 100										
Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan										
Prestasi Penanda Aras	12-Bulan Kadar Deposit Tetap Islamik (12-Bulan Kadar Deposit Tetap Islamik-i Maybank Islamic Berhad)										
Pengurus Dana	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad										

Yuran Pengurusan Dana

1.0% setahun

Prestasi Dana

Tahun	Dana Syariah Income 2 Zurich Takaful	Penanda Aras
2014	3.0%	3.3%
2015	5.6%	3.4%
2016	4.4%	3.3%
2017	5.2%	3.1%
2018	2.2%	3.4%
2019	7.5%	3.2%
2020	3.0%	2.2%
2021	-2.1%	1.9%
2022	2.1%	2.3%
2023	2.5%	2.9%

Nota: Penanda aras prestasi sebelum 25 Mac 2022 ialah 5.5%.

- Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan
- Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan

Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut

Pulangan sebenar pada 20xx =

$$\left[\frac{^2\text{UP 31 December } 20xx - ^2\text{UP 31 December } 20xx - 1}{^2\text{UP 31 December } 20xx - 1} \right]$$

NOTA 1: Peruntukan Aset daripada Dana mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.

NOTA 2: UP = Harga Unit

Dana Syariah Flexi 2 Zurich Takaful

Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk menjana potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang yang dapat dicapai melalui fleksibiliti dalam peruntukan aset.										
Profil Risiko	Sederhana hingga tinggi										
Profil Pelabur	Sesuai untuk pelabur yang cenderung kepada aliran pendapatan tetap, pulangan pelaburan stabil dan potensi peningkatan modal jangka masa sederhana hingga panjang. Menyediakan strategi penukaran aset yang mudah										
Strategi dan Pendekatan Pelaburan	Strategi adalah melalui fleksibiliti dalam peruntukan aset dengan ekuiti patuh Syariah, Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain serta deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah.										
1 Peruntukan Aset	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelas Aset</th><th>Peruntukan (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ekuiti patuh Syariah</td><td>0 - 90</td></tr> <tr> <td>Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain</td><td>0 - 90</td></tr> <tr> <td>Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah</td><td>0 - 100</td></tr> <tr> <td>Aset patuh Syariah yang lain</td><td>Tidak Berkenaan</td></tr> </tbody> </table>	Kelas Aset	Peruntukan (%)	Ekuiti patuh Syariah	0 - 90	Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	0 - 90	Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 100	Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan
Kelas Aset	Peruntukan (%)										
Ekuiti patuh Syariah	0 - 90										
Sukuk dan instrumen hutang Islamik yang lain	0 - 90										
Deposit dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0 - 100										
Aset patuh Syariah yang lain	Tidak Berkenaan										
Prestasi Penanda Aras	60% daripada Indeks Syariah EMAS Tahun FTSE Bursa Malaysia & 40% daripada 12-Bulan Kadar Deposit Tetap Islamik (12-Bulan Kadar Deposit Tetap Islamik-i Maybank Islamic Berhad)										
Pengurus Dana	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad										

Yuran Pengurusan Dana	1.3% setahun
-----------------------	--------------

Prestasi Dana

Tahun	Dana Syariah Flexi 2 Zurich Takaful	Penanda Aras
2014	-4.0%	-1.2%
2015	12.1%	2.7%
2016	1.1%	-2.3%
2017	11.4%	7.7%
2018	-12.9%	-6.7%
2019	8.1%	3.6%
2020	8.9%	6.9%
2021	-1.4%	-3.2%
2022	-2.2%	-5.6%
2023	0.3%	1.4%

Nota: Penanda aras prestasi sebelum 25 Mac 2022 ialah 9.0%.

- Prestasi dana yang lalu bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan
- Ini adalah prestasi dana pelaburan dan bukan pulangan yang diperoleh daripada pembuatan caruman sebenar dalam produk berkaitan pelaburan
- Prestasi dana yang lalu adalah dikira berdasarkan harga unit dana. Formula pengiraan adalah seperti berikut

Pulangan sebenar pada 20xx =

$$\left[\frac{{}^2\text{UP 31 December 20xx} - {}^2\text{UP 31 December 20xx - 1}}{{}^2\text{UP 31 December 20xx - 1}} \right]$$

NOTA 1: Peruntukan Aset daripada Dana mungkin berubah bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan sekiranya berlaku keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, perubahan akan dilakukan demi mendapat manfaat daripada pertumbuhan modal yang berpotensi serta menjaga hasil pelaburan pemegang unit.

NOTA 2: UP = Harga Unit

Penilaian Dana

Nilai Aset Bersih Dana Syariah Zurich Takaful akan dinilai pada setiap penghujung hari perniagaan.

Nilai Aset Bersih Dana Syariah Zurich Takaful akan menjadi nilai aset berdasarkan:

- i) Harga pasaran transaksi terakhir di mana aset itu boleh dibeli atau dijual
- ii) Tambah nilai tunai dalam pegangan yang belum dilaburkan
- iii) Tambah sebarang pendapatan terakru atau dijangka,
- iv) Tolak sebarang perbelanjaan yang dikenakan semasa membeli atau menjual aset
- v) Tolak sebarang jumlah liabiliti dana, dan
- vi) Tolak jumlah yang berkaitan menguruskan, menyelenggara dan menilai aset dalam Dana Syariah Zurich Takaful (mengikut peratusan yang ditetapkan sebagai Yuran Pengurusan Dana).

Liabiliti Dana Syariah Zurich Takaful mungkin adalah jumlah yang ditentukan oleh Pengendali Takaful yang mewakili sebarang cukai atau levi berkanun lain yang ditanggung oleh Pengendali Takaful yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada pendapatan pelaburan dan keuntungan modal ke atas aset Dana Syariah Zurich Takaful

Penilaian Harga Unit

Harga unit pada mana-mana tarikh penilaian Dana Syariah Zurich Takaful akan didapati dengan membahagikan Nilai Aset Bersih pada hari perniagaan sebelum tarikh penilaian dengan bilangan unit yang dijanakan bagi Dana Syariah Zurich Takaful

Pengendali Takaful boleh mengubah kekerapan dan tarikh penilaian harga unit dengan memberi notis tiga (3) bulan secara bertulis terlebih dahulu kepada pemegang Sijil

Penangguhan Pembayaran

Dalam keadaan yang dipertimbangkan oleh Pengendali Takaful seperti yang dinyatakan dalam sijil, untuk tidak memudararatkan kepentingan Pemegang Sijil, Pengendali Takaful berhak menangguhkan Penukaran Unit atau Pengeluaran Separa dan Penyerahan Bayaran dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh penebusan

Peruntukan Dana

Tertakluk kepada sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis bertulis, Pengendali Takaful boleh:-

- i) Menutup Dana Syariah Zurich Takaful atau memberhentikan peruntukan Caruman Tambahan atau membuat Penukaran Unit kepada mana-mana Dana Syariah Zurich Takaful (tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Takaful jika berkenaan) atau memindahkan aset kepada Dana Syariah Zurich Takaful yang baru, yakni yang sama objektif pelaburannya. Sekiranya berlaku penutupan, pemegang Sijil yang mempunyai unit dalam Dana Syariah Zurich Takaful yang bakal ditutup akan dimaklumkan sama ada perlu menebus unit atau memilih untuk memindahkan unit ke dalam Dana Syariah Zurich Takaful yang lain.
- ii) Membahagikan atau menggabungkan unit yang sedia ada dalam Dana Syariah Zurich Takaful.
- iii) Membuat sebarang perubahan mengikut keperluan perundangan.

Keadaan Luar Biasa

Pengendali Takaful juga boleh memilih, tanpa notis dahulu:-

- i) Menggantung harga unit dan transaksi Sijil sekiranya mana-mana bursa yang Dana Syariah Zurich Takaful laburkan, digantung buat sementara waktu daripada membuat dagangan.
- ii) Pemulangan wang yang dicarumkan dalam Dana Syariah Zurich Takaful yang baru, selepas tempoh tawaran awalnya tamat dengan keuntungan. Ini berlaku apabila dana tidak mencapai saiz minimum yang diperlukan.
- iii) Menukar nama Dana Syariah Zurich Takaful.

Potensi Risiko Pelaburan di dalam Dana Syariah Edge Zurich Takaful

Risiko Kewangan	Jenis Risiko	Strategi Pengurusan Risiko
